

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN BARU BIAN [SELANGAU]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN BARU BIAN [SELANGAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rundingan berterusan antara Kerajaan Negeri Sarawak dengan Kerajaan Persekutuan dan PETRONAS, apakah perkara yang sedang dibincangkan dan apakah perkara yang telah dipersetujui, jika ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini,

Kerajaan Negeri Sarawak dan Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) sedang dalam rundingan untuk mencapai penyelesaian komersial berhubung urusan minyak dan gas serta cukai jualan ke atas produk petroleum di negeri Sarawak selaras dengan Kenyataan Media Bersama yang dikeluarkan pada 8 Mei 2020.

Rundingan mengenai perkara ini akan dimuktamadkan melalui satu perjanjian penyelesaian tidak lama lagi.

Sekian, terima kasih.